



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL KECEMERLANGAN
TINGKATAN 5 2025**

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

2 JAM 30 MINIT

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** dibahagikan kepada;

Soalan 1 :	8 markah
Soalan 2 :	6 markah
Soalan 3 :	11 markah
Soalan 4 :	4 markah
Soalan 5 :	6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja pasif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja pasif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja pasif telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata kerja pasif salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata kerja pasif yang ditambah, digugurkan atau ditukarkan imbuhan, berikan 0 markah.
8. Kata kerja pasif digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata kerja pasif

- (i) dikunjungi;
 1. pergi / datang untuk melihat tempat atau menemui seseorang
- (ii) terpelihara;
 1. dipelihara / dibela / terjaga
 2. terlepas / terlindung / terselamat daripada bencana
- (iii) diperkenalkan;
 1. dikenalkan / ditonjolkan kepada orang lain
 2. sesuatu yang telah dibuat supaya dikenali oleh orang lain
- (iv) dipertontonkan;
 1. ditunjukkan / dipersembahkan / dipamerkan kepada orang ramai.
- (v) diadakan;
 1. menjadikan / mewujudkan / menciptakan sesuatu
 2. mengusahakan / menyediakan sehingga berlaku atau berjalan sesuatu

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

- i. Jangan bermain di tepi longkang itu.
- ii. Usah bimbang emak, saya akan menjaga keselamatan diri.
- iii. Harap kamu tidak lagi bermain di longkang itu lagi.
- iv. Tolong ambulkan majalah lama di atas meja
- v. Minta ambulkan sekali gunting di dalam laci.
- vi. Jemput minum emak dan ayah.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

- | | | |
|---------------------|---|------------------------|
| 1. dua belas pemain | - | dua belas orang pemain |
| 2. segi empat | - | segiempat |
| 3. tidak | - | bukan |
| 4. integriti | - | integrasi |
| 5. tengah garisan | - | garisan tengah |
| 6. bersentuh | - | menyentuh |

[maksimum:6 markah]

Bahan 2

- | | | |
|-------------------------|---|------------------------------|
| 1. Strategik | - | Strategi |
| 2. diisikan dengan | - | diisikan / diisi dengan |
| 3. kedua | - | kedua-dua |
| 4. lawan arah jam | - | arah lawan jam |
| 5. memasukkannya | - | memasukkannya |
| 6. paling banyak sekali | - | paling banyak/ banyak sekali |

[maksimum:5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4.

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>gramatis</i>	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan (Campur aduk)	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

TEKS:

Maka Laksamana pun berdatang sembah, “Ya tuanku, adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahunya daripada patik. Jika ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli hendak cuba bermain dengan penjurit itu.”

Maka titah raja, “Adapun Laksamana itu tiadalah dapat jauh daripada kita, jikalau Laksamana pergi berkawal, siapa teman kita di istana ini?”

JAWAPAN:

Laksamana datang menyembah, “ Ampun tuanku, penjurit/ askar upahan yang datang ini bukan calang-calang orangnya, lebih handal daripada patik. Sekiranya tuanku memberi keizinan, patik mohon daripada ke bawah duli untuk bertarung dengan penjurit/ askar upahan itu,”

Kemudian raja bertitah, “Sebenarnya Laksamana tidak boleh berjauhan daripada beta, jika Laksamana pergi berkawal, siapa yang akan menemani beta di istana ini?”

[maksimum: 4 markah]

Soalan 5

- i. Peribahasa : **melentur buluh biarlah dari rebungunya** [1 markah]
Maksud - Mendidik kanak-kanak biarlah ketika usianya masih kecil lagi [1 markah]
- ii. Peribahasa : **bagai menatang minyak yang penuh** [1 markah]
Maksud - Menjaga atau merawat seseorang atau sesuatu dengan sangat berhati-hati dan penuh kasih sayang [1 markah]
- iii. Peribahasa : **sudah terhantuk baharu hendak tengadah** [1 markah]
Maksud - Mendidik kanak-kanak biarlah ketika usianya masih kecil lagi [1 markah]
- iv. Peribahasa : **bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing** [1 markah]
Maksud - tiada permuafakatan dalam masyarakat atau sesuatu perbincangan **atau** mementingkan diri sendiri [1 markah]

(Pilih **tiga peribahasa dan maksud** yang pertama sahaja)

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

Soalan 6: 12 markah

Soalan 7: 13 markah

Soalan 8: 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi)/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi)/ relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat tidak gramatis	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi)/menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat tidak gramatis	1
- Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi)/menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

5. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) Maksud menyempurnakan tugas	Markah
- menyiapkan/memenuhi/ menunaikan/menyelesaikan/ kerja/ urusan/ tanggungjawab/kewajipan/peranan	2
- <i>menyempurnakan</i> kerja/ urusan/tanggungjawab/kewajipan/peranan	1
- menyiapkan/memenuhi/ menunaikan/menyelesaikan <i>tugas</i>	1

(ii) Kepentingan-kepentingan

Bahan 1

- P1 mampu mendorong seseorang pekerja supaya dapat menyempurnakan tugas dengan teratur serta mengikut perincian kerja dan masa yang ditetapkan.

Bahan 2

- P2 supaya lama-kelamaan ia akan menjadi sebahagian daripada identiti mereka.
- P3 membentuk pengurusan keselamatan yang mapan

Bahan 3

- P4 semakin kurang individu terpengaruh oleh nilai-nilai negatif

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi (1+1+1)]

(iii) Punca-punca

- P1 Kurang kesedaran/kurang ilmu agama/moral.
- P2 Gaji/pendapatan/ upah yang rendah/ tidak mencukupi/tekanan/masalah kewangan.
- P3 Sistem penguatkuasaan /penguatkuasaan undang-undang yang lemah / hukuman terhadap perasuah.
- P4 Sikap tamak dan pentingkan diri sendiri/ kumpulan berkuasa memanfaatkan kedudukan mereka untuk keuntungan peribadi.
- P5 Pengaruh persekitaran dan rakan sebaya/ normalisasi budaya rasuah dalam persekitaran kerja.
- P6 Peluang yang terbuka luas/ sistem kawalan dalaman dan ketelusan organisasi yang lemah.

(Punca-punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Tindakan

- P1 Memberi teguran/ Menasihati/ Mengingatkan tentang kepentingan mematuhi peraturan kerja kepada rakan.
- P2 Merakam (video, gambar)/ mencatat bukti (tarikh, masa, kesalahan) kejadian.
- P3 Melaporkan kepada pihak majikan/ pengurusan.
- P4 Menyiasat tentang sebab perlakuan tersebut.
- P5 Mengelakkan/menjauhkan diri daripada menyokong atau bersubahat dengan perbuatan rakan.
- P6 Memberi sokongan moral/ dorongan kepada rakan untuk berubah.

(Tindakan-tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]



Soalan 7

i. Setelah istana siap dibina

- P1 semua tukang yang membina istana meninggal dunia
- P2 tiada sesiapa yang dapat meniru binaan istana
- P3 istana diserahkan kepada baginda raja dan permaisuri

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

ii. Cabaran yang perlu dihadapi ketika membina atau mempertahankan warisan bangsa

Bahan 1

- P1 memerlukan empat puluh empat orang tukang dan jurubina
- P2 projek pembinaan itu dijalankan siang dan malam tanpa henti
- P3 pembinaan istana itu mengambil masa selama tujuh bulan untuk disiapkan

Bahan 2

- P1 aku/Tuk Wali memang sengaja dimalukan
- P2 mereka mempersendakan tiap gerak dan kata-kata aku/Tuk Wali
- P3 tiap/setiap langkah aku/Tuk Wali baik di luar apalagi di dalam gelanggang, dicemuh, dihina dan diketawakan

(Jawapan mesti daripada semua bahan)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iii. Langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mempopularkan seni silat tradisional di negara kita

- P1 ibu bapa menggalakkan anak-anak bergiat dalam bidang seni silat tradisional
- P2 pihak sekolah menubuhkan kelab seni silat tradisional di sekolah
- P3 media massa menyiarkan dokumentari khas berkaitan seni silat tradisional
- P4 pihak kerajaan mengadakan kempen untuk memperkasa pertandingan seni silat tradisional

(Langkah-langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iv. Aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah

- P1 mengadakan pertunjukan/pertandingan pakaian tradisional pelbagai kaum
- P2 mengadakan pertandingan memasak makanan tradisional pelbagai kaum
- P3 mengadakan pameran seni dan budaya pelbagai rakyat Malaysia
- P4 mengadakan pertandingan membuat buku skrap bertemakan kepelbagaian seni dan budaya rakyat Malaysia
- P5 mengadakan persembahan tarian tradisional/muzik tradisional pelbagai kaum

(Aktiviti-aktiviti lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) Bukti-bukti yang menunjukkan Adnan tidak bertinju dan mencuri buah rambutan Pak Dolah.

- i. kalau kami bertinju pasti ada yang bengkak dan berdarah
- ii. badan saya ni, tak ada kesan apa-apa pun,
- iii. Adnan **sambil** membuka bajunya
- iv. di dusun kita ada buah-buahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan Pemarkahan Bagi Soalan 8(ii)

(i) Soalan novel: 6 markah

- (a) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri **1 markah** bagi setiap peristiwa yang betul.
- (d) Beri **1 markah** bagi huraian yang lengkap/ jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum **4 markah** (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
- (f) Markah bahasa maksimum **2 markah**, diberi secara holistik.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri **1 markah** untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 6 markah]

Dua peristiwa yang dapat dijadikan contoh oleh pembaca berdasarkan sebuah novel :

JENDELA MENGHADAP JALAN karya Ruhaini Matdarin

1. Peristiwa Lili memaafkan kesalahan Rafiq dan Haziq yang telah menculiknya dan meletaknya di sebuah pondok usang di dalam hutan walaupun tindakan mereka itu tidak baik dan dianggap sebagai kes jenayah.

Huraian : Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk sentiasa memaafkan kesalahan orang lain walaupun orang tersebut pernah melakukan perkara yang tidak baik kepada kita.

2. Peristiwa Lili tetap menolong keluarga Che Jah dengan bantuan Kak Mimah dalam menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah walaupun Datuk melarang Lili untuk campur tangan dalam urusan rumah tangga Che Jah kerana Datuk tidak mahu Lili menghadapi masalah yang lebih besar.

Huraian : Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk menjadi masyarakat yang prihatin yang sentiasa membantu masyarakat lain yang sedang menghadapi masalah atau musibah.

3. Peristiwa datuk Lili mempertahankan tanah daripada dijual. Datuk merungut sambil memarahi abang kandung Danel, Sugi Oogway yang menghantar kawannya daripada sebuah syarikat untuk memujuk orang kampung supaya menjual tanah mereka untuk dijadikan deretan rumah sewa.

Huraian : Peristiwa ini dapat dijadikan contoh kepada pembaca untuk sentiasa berusaha mempertahankan hak atau tanah kita daripada jatuh kepada orang lain.

PERISTIWA-PERISTIWA LAIN BOLEH DITERIMA SEKIRANYA SESUAI

SONGKET BERBENANG EMAS karya Khairuddin Ayip

1. Peristiwa Dahlia terjun ke dalam arus sungai yang deras untuk menyelamatkan Said ,anak Atun yang dibawa arus deras tetapi Said tidak dapat diselamatkan kerana mati lemas.

Huraian : Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca kerana menunjukkan keberanian seorang gadis untuk menyelamatkan orang lain yang ditimpa kecemasan tanpa memikirkan risiko yang akan dihadapinya.

2. Peristiwa Dahlia tekun dan gigih mengulangkaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan STPM semasa berada di pusat pemindahan banjir setelah rumahnya dilanda banjir besar walaupun keadaan di pusat pemindahan banjir itu sangat sesak dan bising.

Huraian : Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca kerana menunjukkan kegigihan seorang pelajar untuk belajar dengan bersemangat walaupun dalam keadaan sukar dan tidak selesa.

3. Peristiwa Embong yang hidup dalam kemiskinan tetap mementingkan pelajaran anak-anaknya, iaitu Embong marah apabila Dahlia bercadang untuk berhenti sekolah kerana mahu membantu keluarga sedangkan dia masih mampu mencari rezeki untuk anak-anaknya.

Huraian : Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk menjadi individu yang mementingkan pendidikan anak-anak agar masa depan mereka terjamin.

4. Peristiwa Dahlia menjaga dan menguruskan ibunya yang mengalami masalah kesihatan mental. Dahlia memujuk ibunya yang berada di kebun getah untuk balik ke rumah mereka kerana hari semakin gelap tetapi tidak berjaya. Akhirnya, Saleha berjaya dibawa balik oleh Embong.

Huraian : Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk menunjukkan tanggungjawab seorang anak agar sentiasa menjaga dan menguruskan ibu yang tidak sihat.

PERISTIWA-PERISTIWA LAIN BOLEH DITERIMA SEKIRANYA SESUAI

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Langkah)												Markah Maksimum
(i) Pendahuluan														2
(ii) Isi Bahan 1														16
Fokus 1 (Risiko)	3	3	3	3	2	2	1	2	1	1	1	1		
Fokus 2 (Langkah)	4	2	1	1	1	1	1	2	1	2	1	4		
(iii) Isi Bahan 2														
Fokus 1 (Risiko)	4	1	2	1	1	1	4	1	2	3	1	1		
Fokus 2 (Langkah)	3	1	1	1	2	3	1	1	3	1	2	1		
(iii) Isi Bahan 3														
Fokus 3 (Kebaikan)	3	1	1	2	2	1	1	1	1	1	3	1		
(iv) Penutup/Kesimpulan														2
Jumlah Markah														20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan:

P1	Rumusan membincangkan risiko/kesan/akibat/keburukan pembelian dalam talian dan langkah/usaha/cara/tindakan mengelakkan penipuan pembelian dalam talian serta kebaikan/kelebihan/manfaat/faedah pembelian dalam talian	2 m
P2	Rumusan membincangkan punca/kesan/akibat/keburukan pembelian dalam talian	1m
P3	Rumusan membincangkan langkah/usaha/cara/tindakan mengelakkan penipuan pembelian dalam talian	1m
P4	Rumusan membincangkan kebaikan/kelebihan/manfaat/faedah mengelakkan penipuan pembelian dalam talian	1m

Isi [16 markah]

FOKUS 1 : risiko/kesan/akibat/keburukan pembelian dalam talian

Bahan 1

- A1 pengguna akan mengalami kerugian wang ringgit
- A2 mendatangkan kerugian wang
- A3 mencetuskan trauma emosi, rasa tertipu, marah, dan hilang kepercayaan terhadap peniaga dalam talian

Bahan 2

- B1 Barang tidak sampai walaupun sudah dibayar
- B2 Tertipu dengan penjual palsu yang sebenarnya tidak wujud
- B3 Kualiti tidak sama dalam gambar iklan
- B4 Maklumat peribadi bocor dan disalahgunakan oleh orang lain

FOKUS 2 : langkah/usaha/cara/tindakan mengelakkan penipuan pembelian dalam talian

Bahan 1

- C1 menyemak latar belakang penjual melalui laman web rasmi pihak berkuasa
- C2 pembeli hendaklah mengelakkan daripada membuat bayaran penuh sebelum menerima barang
- C3 pembeli dalam talian disarankan memilih kaedah pembayaran selamat
- C4 Pembeli juga perlu lebih berhati-hati apabila membuat pembelian dalam talian dari luar negara terutama melalui platform e-dagang

Bahan 3

- D1 semak dahulu penjual
- D2 baca ulasan
- D3 jangan mudah percaya dengan harga murah

FOKUS 3 : kebaikan/kelebihan/manfaat/faedah mengelakkan penipuan pembelian dalam talian**Bahan 3**

- E1 Urusan perniagaan zaman ini yang lebih tersusun dan cepat menggunakan teknologi moden untuk memudahkan urusan.
- E2 pengguna tidak perlu keluar rumah kerana barangan akan dihantar terus ke tempat mereka dengan selamat.
- E3 dunia teknologi kini terbuka luas untuk menjalankan menjalankan perniagaan sendiri

Kesimpulan:

- K1 Kesimpulannya, pembelian dalam talian perlu digalakkan agar dapat membantu kesejahteraan ekonomi negara. [2 markah]
- K2 Kesimpulannya, pembelian dalam talian perlu digalakkan [1 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT